

SOALAN NO. 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan dan tindakan yang berkesan bagi mengatasi masalah kemiskinan rakyat di kalangan kaum minoriti di Negeri Sarawak dan Parlimen Baram khususnya berkenaan cabaran kemudahan asas seperti perumahan, jalan raya dan sebagainya.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan pelbagai program pembangunan secara berterusan dan menyeluruh untuk memastikan semua rakyat Malaysia mendapat nikmat daripada usaha-usaha yang dijalankan dan menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Selaras dengan fokus Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) yang memberi tumpuan kepada ekonomi rakyat, pelbagai program/projek pembangunan telah dirancang bagi memastikan pembangunan terus dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia termasuk di Negeri Sarawak, tanpa mengambil kira kawasan Parlimen. Ini termasuk usaha-usaha bagi meningkatkan kemudahan penyediaan infrastruktur asas luar bandar seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik.

Di bawah RMKe-11, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5.3 bilion bagi kemudahan bekalan air, RM1.4 bilion bagi kemudahan bekalan elektrik dan RM14 juta untuk kemudahan jaringan jalan raya di seluruh negeri Sarawak. Sebagai tambahan, sebanyak RM64.8 juta diperuntukkan bagi pembinaan jalan di bawah peruntukan Projek Khas YAB Perdana Menteri di negeri Sarawak dan sebanyak RM2.2 juta disediakan khusus untuk pembinaan jalan di Parlimen Baram.

Kerajaan juga prihatin dan komited untuk menyediakan perumahan yang selesa kepada rakyat Sarawak dan telah melaksanakan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Di bawah RMKe-11, Kerajaan telah

memperuntukkan sebanyak RM225 juta bagi tujuan bina baharu dan RM300 juta bagi projek baik pulih di negeri Sarawak. Ini tidak termasuk peruntukan sebanyak RM40.6 juta di bawah Peruntukan Projek Khas YAB Perdana Menteri untuk pelaksanaan projek baiki dan bina baharu rumah di seluruh Sarawak. Daripada jumlah itu, sebanyak RM5.4 juta diperuntukkan bagi Parlimen Baram.

Selain PPRT, Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan peruntukan secara geran di bawah Skim Pinjaman Rumah untuk Golongan Berpendapatan Rendah (SPRGBR). Sebanyak RM40 juta telah disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi tujuan membina dan membaik pulih rumah panjang di negeri Sarawak. Kementerian Perumahan dan Urbanisasi Sarawak melalui *Housing Development Corporation* (HDC) Sarawak selaku agensi pelaksana telah menyediakan pinjaman dengan had maksimum sebanyak RM50,000 bagi satu pintu dalam unit rumah panjang. Sehingga kini, sebanyak 20 buah rumah panjang (623 buah pintu) telah selesai dibina melibatkan perbelanjaan sebanyak RM32.74 juta.

Sekian, terima kasih.

101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 40

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) adakah Kerajaan mempunyai rancangan membina lapangan terbang antarabangsa yang baru di Perak ; dan
- (b) jika ya, di mana tapak lokasi dan berapakah anggaran peruntukan yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menerima cadangan daripada sebuah syarikat swasta bagi membina sebuah lapangan terbang yang baru di Perak. Namun demikian, cadangan ini masih di peringkat kajian.

Sekian, Terima Kasih

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS
UGGAH EMBAS [BETONG]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2017
(ISNIN)**

SOALAN : 41

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Negeri Sarawak bagi tahun 2017 dan bagaimanakah pencapaian setakat ini; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai bantuan khas untuk rumah-rumah baru yang dikategorikan sebagai permohonan lewat di kampung dan rumah panjang yang sudah ada Talian Grid.

103

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukkan bagi Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Negeri Sarawak pada tahun 2017 adalah berjumlah RM432.3 juta. Sehingga 8 Oktober 2017, RM311.3 juta iaitu bersamaan 72.02% telah dibelanjakan untuk membiayai keseluruhan projek BELB di negeri Sarawak.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian telah memperkenalkan projek BELB "*Late Applicant*" untuk memberikan kemudahan bekalan elektrik kepada rumah-rumah baru yang didirikan setelah projek BELB siap dilaksanakan.